

BBC sifatkan belanjawan penyayang

UM 20 OCT 2002

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Kelab Penyokong-Penyokong Kerajaan (BBC) menyifatkan Belanjawan 2002 yang diumumkan petang ini sebagai belanjawan penyayang kerana ia menyediakan satu bentuk keupayaan kepada rakyat ketika berhadapan dengan kemelesetan ekonomi.

Pengerusinya, **Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis** berkata, amat jarang ada kerajaan yang sanggup mengemukakan belanjawan sedemikian rupa ketika sedang berhadapan dengan kegawatan ekonomi.

Justeru, kata beliau, belanjawan kali ini boleh dianggap istimewa berikutan ia mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap keperluan rakyat.

“Kita merasa terkejut kerana dalam keadaan ekonomi yang gawat ini, dalam keadaan kita perlu mengikut perut, Perdana Menteri (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad) sanggup mengemukakan belanjawan membela rakyat.

“Kesanggupan Perdana Menteri berbuat demikian mungkin kerana kedudukan ekonomi dan asas-asas ekonomi kita yang kukuh serta baik,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Jamaluddin yang juga ahli Parlimen kawasan Rompin menambah, apa yang membanggakan ialah belanjawan tersebut membolehkan semua lapisan rakyat mendapat

manfaat daripadanya baik di bandar mahu pun luar bandar.

Dalam pada itu, **Timbalan Pengerusi BBC, Datuk Ruhanie Ahmad** pula menyifatkan cadangan Belanjawan 2002 sebagai belanjawan yang sangat memihak kepada rakyat untuk bebas dari kesan krisis ekonomi semasa.

“Belanjawan ini belanjawan yang orang boleh mengatakan sebagai belanjawan pilihan raya. Ini bukan belanjawan pilihan raya tetapi belanjawan yang berasaskan kepada fundamental dan kekuatan kerajaan.

“Belanjawan untuk membolehkan rakyat mempunyai kuasa beli yang lebih, wang untuk berbelanja secara lebih,” katanya.

Justeru, beliau berharap para pekerja dan penduduk kawasan luar bandar serta kakitangan awam akan menikmati faedahnya.

“Saya juga mendapati belanjawan ini membuktikan keikhlasan kerajaan, kesungguhan kerajaan memelihara kesejahteraan rakyat dalam keadaan ekonomi yang meleset dengan menggalakkan perbelanjaan dalam negeri,” tambah beliau.

Mengulas Belanjawan 2002, Setiausaha BBC, **Datuk Huzni Hanadzlah** berkata, insentif-insentif yang diumumkan oleh kerajaan akan memberi rangsangan kepada semua sektor kerana berupaya menjana permintaan dalam negara.

Ahli Parlimen Tambun itu memberitahu, dalam jangka panjang, ia akan membantu kepada pertumbuhan ekonomi antara satu hingga dua peratus.

Beliau juga berpendapat bahawa Belanjawan 2002 akan membantu mempelbagaikan ekonomi, selain membantu mengurangkan jurang pendapatan antara golongan berada dan miskin.